

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang mengidap kanser, sakit jantung, kencing manis dan mengikut jantina, jenis kanser, etnik, umur dan negeri sehingga kini dan bagaimanakah pihak kementerian membantu golongan yang kurang bernasib baik atau dari golongan B40

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, dianggarkan seramai 3.9 juta penduduk dewasa menghidap diabetes iaitu bersamaan dengan 18.3%, berbanding dengan prevalens pada tahun 2015 iaitu 13.4%. Satu (1) daripada dua (2) penduduk yang menghidap diabetes tidak mengetahui yang mereka menghidap diabetes. Daripada jumlah ini, Negeri Sembilan menunjukkan prevalen yang tertinggi (33.2%), diikuti Perlis (32.6%) dan Pahang (25.7%). Prevalen dalam kalangan B40, M40 dan T20 adalah 18.5%, 17.6% dan 12.33%. Prevalen juga adalah tertinggi dalam kalangan masyarakat India (31.4%), Melayu (21.6%), Cina (15.1%) dan diikuti oleh kaum-kaum lain.

2. Penyakit jantung pula merupakan sebab utama kemasukan pesakit ke hospital. Berdasarkan maklumat daripada Pusat Informatik Kesihatan, KKM, pada tahun 2018, seramai 81,543 pesakit telah dimasukkan ke hospital kerajaan akibat penyakit jantung *ischaemic* (ICD 10: I20-I25) dan 27,013 pesakit telah dimasukkan ke hospital kerajaan akibat kegagalan jantung (ICD 10: I50).

SOALAN NO : 191

3. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia pula, pada tahun 2019, terdapat 16,325 kematian akibat penyakit jantung *ischaemic* (IHD). Seramai 11,330 lelaki dan 4,995 adalah perempuan.
4. Berdasarkan tren penyakit NCD dan faktor risiko NCD semasa, Kementerian Kesihatan telah merangka program pencegahan dan kawalan Penyakit NCD berdasarkan *National Strategic Plan for NCDs 2016-2025* yang memfokuskan tiga skop utama, iaitu menggalakkan kehidupan yang lebih sihat dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mengurangkan faktor risiko NCD, meningkatkan aktiviti saringan untuk mengesan kes-kes penyakit NCD yang belum dikesan, dan mengukuhkan kualiti pengurusan pesakit NCD di fasiliti kesihatan.
5. Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga turut mengaktifkan dan memperkuuhkan pelbagai program termasuklah program ‘Komuniti Sihat, Pembina Negara’ atau lebih dikenali sebagai KOSPEN yang mensasarkan komuniti ke arah perubahan tingkah laku dan amalan gaya hidup yang sihat. KOSPEN merupakan satu inisiatif bagi menangani penyakit NCD serta faktor-faktor risiko penyakit NCD dengan menekankan amalan diet yang sihat, gaya hidup yang aktif, bebas daripada rokok, pengurusan berat badan, dan saringan kesihatan bagi faktor risiko NCD. Program KOSPEN juga kebanyakannya mensasarkan masyarakat B40 dan luar bandar.
6. Khusus untuk golongan B40, kerajaan juga bekerjasama dengan pengamal perubatan swasta untuk menjalankan inisiatif PeKa B40 yang membolehkan ahli keluarga berpendapatan rendah B40 menjalani saringan kesihatan di klinik-klinik terpilih secara percuma. PeKa B40 memberi penekanan kepada pengesahan awal penyakit NCD kepada golongan B40 terutama apabila usia meningkat, sekali gus mengurangkan bebanan kos rawatan kumpulan berkenaan.
7. Manfaat Peka B40 juga melibatkan bantuan peralatan perubatan yang diperlukan dalam prosedur/ rawatan dan tidak diberikan subsidi kos alat di hospital-hospital KKM.

SOALAN NO : 191

8. Peka B40 juga bertujuan untuk mendorong pesakit kanser, lebih-lebih lagi mereka yang di peringkat awal rawatan dan tahap permulaan penyakit, untuk melengkapkan pelan rawatan mereka seperti mana yang telah dirancang oleh pakar kanser KKM. RM1,000 dibayar kepada pesakit kanser yang melengkapkan rawatan di Hospital KKM. Selain itu, Peka B40 dapat meringankan beban membayar kos pengangkutan apabila penerima mendapatkan rawatan di hospital KKM.

9. Pencegahan penyakit NCD memerlukan pendekatan '*whole of government*' dan '*whole of society*'; bagi memastikan pencegahan penyakit NCD dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru, Kementerian Kesihatan sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain serta organisasi bukan kerajaan dalam melaksanakan usaha-usaha yang dirancangkan bagi memastikan kesihatan rakyat di tahap yang optima.

Sekian, terima kasih.